

MISAI KUCING – LEBIH DARIPADA HANYA SEKUNTUM BUNGA YANG CANTIK

oleh: Benjamin Drewe, Pakar Perubatan Herba

Sejenis pokok yang sering kali ditemui di taman-taman tempatan kerana kecantikannya sebagai pokok bunga perhiasan yang menarik ialah pokok herba tropika *Orthosiphon aristatus/stamineus*, atau nama tempatannya “Misai Kucing”. Manakala pokok ini memang asalnya daripada Asia Tenggara, khasiat perubatannya tidaklah begitu diketahui di negara ini berbanding dengan di tempat lain di dunia.

Golongan terawal penjajah Belanda di Indonesia telah diperkenalkan kepada herba ini, mendapatinya sejenis teh herba dan bahan pembersih darah yang sedap rasanya, dan seterusnya menggelarnya Teh Jawa. Setelah yakin dengan khasiatnya, mereka lalu membawanya pulang ke Eropah, lalu ia seterusnya memasuki Farmakopeia Herba Rasmi beberapa negara Eropah.

Penyelidikan pengarang terhadap herba ini bermula pada tahun 1994, yang berakhir dengan kemasukan Misai Kucing ke dalam rumusan proprietari untuk merawat sakit dan sengal sendi akibat arthritis, gout (sembap) dan reumatisme. Tindakan bijak memasukkannya ke dalam produk untuk merawat masalah-masalah kesihatan ini adalah berasaskan kemampuannya merangsang perembesan asid urik dan sisa metabolisme lain dari dalam otot dan sendi. Apabila asid ini terkumpul di dalam tisu dan kesannya bercampur pula dengan peredaran darah yang lemah, maka sakit dan radang terjadi sebagai akibatnya. Dalam rumusan proprietari ini herba ini dicampur dengan pati *Centella asiatica* (Pegaga) untuk merangsang peredaran darah serta *Curcuma longa* (Kunyit) and *Zingiber officinale* (Halia) untuk mendapatkan khasiat anti radang herba-herba ini. Produk ini telah mencapai kejayaan baik di farmasi-farmasi di Malaysia dalam tempoh 10 tahun kebelakangan dan merupakan satu contoh rawatan herba yang berkesan sebagai pilihan lain terhadap ubatan penahan biasa untuk merawat sakit sendi.

Penyelidikan semasa telah mengenal pasti kesan-kesan Misai Kucing sebagai berpunca daripada komponen fenolik dan flavonoid. Sebatian-sebatian ini merangsang pembersihan sel dan perlindungan yang lebih baik melalui beberapa kaedah. Pertama, ia meningkatkan pembuangan asid metabolik dan natrium melalui ginjal (buah pinggang), yang dipanggil diuresis, dengan cara yang tidak memudaratkan ginjal. Ini menjadikannya antara bahan diuretik paling selamat di kalangan ubatan herba. Sesetengah daripada hasil penyelidikan awal terhadap herba ini telah dibuat berhubung usaha menilai kegunaannya sebagai rawatan tradisional untuk menghapuskan batu karang. Ia merupakan salah satu daripada segelintir bahan herba yang telah diluluskan oleh kerajaan Jerman untuk meningkatkan isi padu air kencing bagi mencegah batu karang. Ia disyorkan khusus untuk mencegah pembentukan batu karang akibat asid urik. Dos saranan untuk herba kering ialah 300 – 800 mg sehari, yakni kira-kira 1.5 – 4 gram daun segar. Bagaimanapun, mesti diingatkan di sini bahawa sebarang rawatan terhadap penyakit ginjal dan batu karang seharusnya hanya dibuat di bawah penyeliaan profesional. Masalah berkaitan buah pinggang hampir sentiasa menandakan masalah yang lebih merupakan masalah sistem tubuh, lalu punca ketakseimbangan, jangkitan atau kemerosotan mestilah difahami.

Para penyelidik daripada Fakulti Farmasi, Universiti Fukuyama, Jepun telah mendapati bahawa sesetengah daripada sebatian herba ini menggalakkan penurunan secara berterusan terhadap tekanan darah sistolik melalui tindakan vasodilasi (pengembangan

pembuluh darah), penurunan keluaran kardiak dan tindakan diuretik dalam penghapusan natrium. Ini menerangkan dengan jelas kesan-kesan positif herba ini dalam rawatan hipertensi yang mana telah berlaku penggunaan herba ini secara berdokumen sebagai rawatan tradisional di Indonesia selama ratusan tahun yang lalu.

Dalam satu kajian yang hasilnya diterbitkan pada tahun 2007 oleh Pusat Kajian Sains Farmaseutik di Universiti Sains Malaysia herba ini didapati mengandungi sifat-sifat antioksidan dan penghapus radikal bebas. Ini juga mengesahkan penggunaannya secara tradisional dalam merawat masalah hati, kerana ia telah terbukti merangsang perlindungan hati daripada keracunan bahan toksik secara bergantung pada dos (*dose-dependent*).

Pakar ubatan herba tradisional Indonesia juga telah menggunakan herba ini untuk merawat diabetes (kencing manis) dan kesannya disahkan apabila pada tahun 2007 para penyelidik daripada Jabatan Farmakologi, Universiti Chulalongkorn di Bangkok, Thailand menerbitkan laporan berhubung kesan *Orthosiphon* terhadap glukosa darah pada tikus yang diaruh supaya berpenyakit diabetes. Kajian berkenaan menunjukkan bahawa dalam satu ujian ketahanan glukosa, pati *Orthosiphon* (0.2 – 1.0g/kg) menurunkan kepekatan glukosa plasma dengan ketara secara bergantung pada dos (*dose-dependent*) pada tikus biasa dan tikus berdiabetes. Menjelang tamatnya kajian ini profil lipid juga telah bertambah baik dengan kepekatan gliserida plasma lebih rendah pada tikus berdiabetes yang dirawat dengan pati ini berbanding tikus yang tidak dirawat, manakala tahap kolesterol Lipoprotein Ketumpatan Tinggi (kolesterol baik) juga naik secara ketara pada tikus berdiabetes yang dirawat dengan pati ini.

Ini merupakan satu contoh baik penggunaan ubat tradisional yang disokong dengan pengesahan saintifik bagi setiap kegunaannya secara tradisional. Paling penting sekali, herba ini menawarkan rawatan sokongan yang selamat dan berkesan bagi masalah berhubung penuaan yang paling sering berlaku, yakni sakit dan sengal sendi, hipertensi, diabetes dan kolesterol tinggi.

Benjamin Drewe DHM, MNHAA ialah seorang Pengamal Perubatan Herba yang masih bergiat aktif dan memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Asia Botanicals Sdn. Bhd. Untuk maklumat lanjut lawatilah www.rainforestherbs.com